

Soalan 1 hingga Soalan 5

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Terserlahlah kepercayaan pemimpin
itu apabila kepemimpinannya telah
berjaya membawa perubahan
yang besar dalam parti politik yang
diterajuinya. Tiada kesalahan
- 2 Semasa berumur lima tahun, adik
bongsu saya yang bijak itu sudah
boleh membaca dengan lancarnya.
Tiada kesalahan

- 3 Para peserta terpaksa menempuh
pelbagai halangan sepanjang dua
hari aktiviti mendaki Gunung Kinabalu
itu dijalankan. Tiada kesalahan
- 4 Kakitangan awam berasa gembira bila
kerajaan mengumumkan bonus akan
diberikan pada hujung tahun ini.
Tiada kesalahan
- 5 Setiap hari Encik Azmi mengundang
anaknya pulang dari sekolah.
Tiada kesalahan

Soalan 6 hingga Soalan 9

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mempunyai kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu **mempunyai kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

- 6 Seluruh penduduk di pendalaman itu akan dipindahkan ke sini.
A Seluruh penduduk di pendalaman
B Seluruh penduduk di pedalaman
C Seloroh penduduk di pedalaman
D Seloroh penduduk di pendalaman
- 7 Jamal tidak boleh pergi ke program itu kerana kakinya terseliuh.
A tidak membolehkan pergi ke
B tidak berkebolehan pergi ke
C tidak dapat pergi ke
D tidak boleh pergi ke
- 8 "Apakah kamu semua sudah bersedia untuk bertanding?" tanya Cikgu Lim.
A Adakah kamu kesemua
B Adakah kamu semua
C Apakah kesemua kamu
D Apakah kamu semua
- 9 Para penuntun bersorak bila Rusdi menjaringkan gol keduanya.
A penonton bersorak apabila
B penonton bersorak bila
C penuntun bersorak apabila
D penuntun bersorak bila

Soalan 10 hingga Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- 10 I "Mana pendapat encik tentang isu kenaikan harga barang keperluan?" tanya wartawan itu.
II "Sila jangan buang sampah di sini," tegur pengawal keselamatan itu.
III "Mengapakah kamu tidak memberitahu saya hal itu?" keluh Mohan.
IV "Alahai, lambat betul bas tiba!" rungut Nasuha.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

- 11 I Usahlah kita berkecil hati bila ditegur oleh guru-guru.
II Perasmian majlis itu tetap diteruskan walaupun hujan lebat.
III Buah limau itu tidak manis.
IV Jari Dina tercucuk jarum.
A I dan III sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 12 I Airil baru berumur lima tahun tetapi sudah boleh menunggang basikal.
II "Pastikan anda mengikut format penulisan sekiranya mahu menulis surat resmi," kata Cikgu Badli kepada para pelajar.
III Kementerian Pelancongan hendaklah menggalakkan rakyat tempatan melancong di dalam negara.
IV Walaupun Cikgu Jamil seorang yang tegas, kadangkala dia suka berseloroh juga.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 13 I Mereka memberikan tepukan yang gemuruh kepada penyanyi itu.
II Baru seminggu berada di sekolah itu dia sudah banyak mendapat kawan.
III Tikar itu digulung oleh abang.
IV Apakah betul cerita yang disampaikan itu?
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja
- 14 I Pak Seman bercocok tanam di belakang rumahnya.
II Tiada siapa yang hendak menonton orang buta itu melintas jalan.
III Aisyah terperanjat apabila namanya dipanggil untuk menerima hadiah.
IV Dia bekerja sambil pada waktu malam untuk menambah pendapatan keluarganya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja